

NOVEL LEFTENAN ADNAN

Tema : **Keberanian** seorang anggota tentera dalam mempertahankan tanah air daripada dijajah oleh bangsa asing.

Contoh: Adnan sanggup berjuang bermati-matian sehingga titisan darah yang terakhir mempertahankan bumi tercinta ini daripada ditakluki oleh Jepun

Watak dan Perwatakan		Nilai	Persoalan	Pengajaran	Latar Masyarakat	Latar Tempat	Latar Masa	Teknik Plot	Contoh
Leftenan Adnan @LA (Utama)	Seorang yang berani.	Keberanian	Keberanian menghadapi musuh negara	Kita mestilah berani untuk mempertahankan kedaulatan negara kita.	Masyarakat yang berani	Sungai Ramal – tempat kelahiran LA dan tempat beliau dibesarkan	Tahun 1937 – LA dinaikkan pangkat menjadi Sarjan dan pergi ke London untuk menyertai pertabalan King George VI	Imbas Kembali Koperal Yaakob menceritakan kpd penduduk kampung ttg pembunuhan kejam LA oleh Jepun	<ul style="list-style-type: none"> Leftenan Adnan bersama-sama dengan askar Melayu berjuang bermati-matian sehingga titisan darah yang terakhir menentang tentera Jepun walaupun tanpa senjata.
	Seorang yang bijak	Kebijaksanaan	Kebijaksanaan dalam menghadapi suasana genting	Kita hendaklah bijak menggunakan akal fikiran ketika berhadapan dengan situasi genting agar dapat membuat keputusan yg rasional	Masyarakat yang bijak	Kem Latihan Haig Lines Port Dickson – tempat LA menerima latihan ketenteraan	Waktu Pagi – Pak Saidi mengayuh basikal untuk menghantar LA ke sekolah Inggeris	Suspens Pembaca tertanya-tanya ttg tindakan yg akan diambil oleh LA slps menemui tmpt persembunyian musuh	<ul style="list-style-type: none"> Leftenan Adnan bijak mengesan helah tentera Jepun yang menyamar sebagai tentera India yang memakai turban ketika menyerang askar Melayu di Bukit Panjang..
Sophia (Sampingan)	Seorang yang penyayang	Kasih Sayang	Kasih sayang terhadap keluarga	Kita hendaklah menyayangi keluarga kita agar hidup lebih sejahtera	Masyarakat yang penyayang	Bukit Candu – tempat LA terkorban dan mayatnya digantung pada pokok ceri.	Waktu Malam – Kompeni C menerima arahan untuk bergerak ke Bukit Candu.	Dialog –Mamat yg bertanya kpd LA sama ada dia gembira belajar di sekolah Inggeris	<ul style="list-style-type: none"> Sophia sangat menyayangi suaminya. Sophia menangis ketika hendak berpisah dengan Leftenan Adnan, iaitu sebelum suaminya berlepas ke Singapura.
	Seorang yang bertanggungjawab	Tanggungjawab	Tanggungjawab menyara keluarga setelah kematian suami	Kita hendaklah bertanggungjawab untuk menyara kehidupan keluarga.	Masyarakat yang bertanggungjawab				<ul style="list-style-type: none"> Sophia menyara anak-anaknya sendiri setelah kematian suami dengan bekerja sebagai penoreh getah dan pesawah sebelum menjadi guru semula.
Binaan Plot	Pemulaan Adnan semasa kecil membesar di bawah jagaan Pak Saidi dan Mak Milah. Men dapat pnddkn awal di sekolah Inggeris di Sg. Ramal sbmlm memasuki kem tentera di PD dan melayakkannya menjadi Askar Melayu	Perkembangan Jepun mula tiba di Kota Bharu dan tercetus perang dunia ke-2. LA dan Kompeni C diarahkn ke Pasir Panjang dan Bukit Candu bg menyekat kemaraan Jepun yg pd masa itu telah menguasai beberapa tempat di Tanah Melayu.Pasir	Panjang & Bukit Candu adalah laluan ke Alexandria yg merupakan depot penyimpanan peluru dan hospital tentera. Di Pasir Panjang, pasukan LA telah menembak mati beberapa orang askar Jepun sehingga mereka terpaksa berundur. Jepun dtg semula dgn bilangan yg lebih ramai menyebabkan askar Kompeni C kehabisan peluru.	Klimaks Pertahanan di Bukit Candu semakin meruncing kerana askar Melayu terus diasak oleh askar Jepun. Askar Melayu terus berjuang dan tidak menyerah kalah. Ketika itu, peluru hampir habis dan banyak askar Melayu terkorban sedangkan askar Jepun semakin ramai	menghampiri Bukit Candu. Semua askar Melayu terkorban manakala LA turut cedera. Askar Jepun telah berjaya menawan LA lalu diserkup dengan guni. Tentera Jepun kemudiannya telah menggantung LA yang cedera pada dahan pokok ceri lalu ditikam bertubi – tubi dengan bayonet.	Peleraian Jepun telah menyerah kalah pada 15 Ogos 1945 dengan pengeboman Hiroshima dan Nagasaki. Sophia membesarkan anak-anaknya dgn mengerjakan sawah dan memotong getah sebelum	berkhidmat semula sbg guru di sekolah Sungai Ramal. Akhirnya, Sophia berkahwin dengan Ustaz Ridwan dan berpindah ke Melaka.		